

BAB 21 : Wuduk dan syarat kesempurnaanya

➤ Maksud, rukun, dalil, rukun dan kelebihan wuduk dari sudut sains

Isikan tempat-tempat kosong dengan jawapan yang betul.


- TARIK PILIHAN JAWAPAN KE TEMPAT KOSONG-

niat	wajib	bersih	Membasuh muka	Menyapu kepala	
Niat berwuduk ketika membasuh muka	Membasuh dua tangan hingga siku	Tertib, iaitu mengikut turutan	Membasuh kaki hingga ke buku lali		
kuman	suhu	kesihatan	selamat	muka	tangan

1. Isikan tempat kosong.

- (a). Dari segi bahasa, wuduk bermaksud _____, elok dan berseri.
- (b). Dari segi istilah, wuduk ialah membasuh anggota tertentu beserta _____.
- (c). Hukum wuduk ialah _____ ketika menunaikan solat, tawaf dan ketika memegang atau membawa mushaf al-Quran.

2. Terangkan rukun wuduk mengikut turutan.



3. Lengkapkan ruangan kosong dibawah dengan jawapan yang betul.

Penemuan saintifik menunjukkan bahawa amalan berwuduk memberikan kesan positif terhadap (a) _____ tubuh badan. Ketika berwuduk seseorang akan membasuh mulut, hidung dan muka yang sering terdedah kepada ancaman (b) _____. Apabila seseorang berwuduk, anggota badannya bersih dan (c) _____ daripada serangan kuman dan jangkitan penyakit berbahaya. Dalam masa yang sama kulitnya menjadi lembap dan mampu mengawal kestabilan (d) _____ badan.

4. Dalil tuntutan berwuduk yang bermaksud : “ Wahai orang beriman! Apabila kamu hendak menunaikan solat maka basuhlah _____ dan _____mu hingga ke siku serta sapulah kepalamu dan basuhlah kaki hingga kedua-dua buku lali.